

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN HOTEL RASA SAYANG, BATU FERINGGI, PULAU PINANG, PADA 9HB NOVEMBER, 1973

Encik Geh Ik Cheong¹ dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Rasa Sayang Hotel, Y.A.B. Dr Lim Chong Eu,² Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Lembaga Pengarah Rasa Sayang Hotel atas kesudian mereka menjemput saya dan isteri ke majlis yang meriah ini.

Begitu juga saya berterima kasih kepada kakitangan Hotel ini atas sambutan mereka dan persiapan-persiapan yang telah diaturkan untuk upacara perasmian yang mana saya berbangga kerana diberi penghormatan melakukannya. Sesungguhnya, saya tidak menyangka akan melihat complex yang indah serta architecturally impressive dan bolehlah dikatakan Rasa Sayang Hotel ini merupakan satu landmark yang baru bukan saja untuk kawasan Batu Feringgi ini bahkan bagi seluruh Pulau Pinang.

Kita semua maklum Pulau Pinang ini sudah lama terkenal kepada pelawat-pelawat dari luar negeri sebagai Mutiara Timur atau Pearl of the Orient kerana kecantikan alam sekitarnya, istimewa lagi pantainya dengan pasir memutih dan lautnya terbentang luas berpagarkan pohon kelapa. Kekayaan alam yang indah dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang memang sukar ditandingi—drawing only words of praise and admiration from visitors.

Bagaimanapun, keindahan alam ini tidak akan bermakna apa-apa dalam context kemajuan ekonomi dan sosial negara kecuali kalau diadakan basic infrastructure bagi menarik para pelancung dari luar ataupun dalam negeri. Dalam hubungan ini, saya memandangkan langkah pihak berkenaan membina Complex Rasa Sayang ini amat kena pada tempatnya, terutama apabila negara kita makin terkenal selepas PATA Conference tahun lalu.

Hari ini bidang pelancungan atau tourism merupakan industry yang besar potensialnya terutama pada segi menambah foreign exchange earning untuk negara. Bahkan juga mustahak bagi orang-orang kita sendiri oleh kerana meningkatnya taraf hidup mereka

² Y.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

yang membolehkan mereka melancang dan beristirahat di tempat seperti ini. Oleh itu saya menyokong penuh rancangan Kerajaan Negeri menjadikan kawasan pantai ini one gigantic tourist complex serta lengkap dengan nature reserve asal saja pembangunan dirancang sebaik-baiknya dengan menimbangkan keperluan mengawal ecological balance alam sekitar di samping memberikan peluang sepenuhnya kepada orang ramai menikmati kemudahan recreation di pantai laut seperti sepatutnya.

Dalam hal ini, saya rasa kalangan environmentalists di sini tidak perlu bimbang kerana pihak berkuasa akan mengawal pembangunan dengan sewajarnya dan tidak mengorbankan alam semula jadi semata-mata untuk kepentingan material. Kita patut sama-sama melihatkan supaya keindahan alam Pulau Pinang ini baik pantai lautnya, baik bukit dan rimbanya, dijaga untuk jadi warisan yang berkekalan bagi jenerasi akan datang.

Ladies and Gentlemen,

As I mentioned earlier, the Government is well aware of the potential of tourism as a source of foreign exchange earning and which can also contribute to regional as well as international co-operation. With this realization, we are focusing our attention to both sectors—international tourism for the obvious economic benefits at the same time building up domestic and regional tourism to accelerate the expansion of the tourist industry. It is with this view that the member countries of ASEAN are co-ordinating our efforts so that we could maximise our promotional and marketing effectiveness particularly in the newly-opened fields overseas i.e. Continental Europe, Australia and Japan. No one can deny that in spite of the many similarities in the climate, natural landscape and even our peoples and their traditions, we in ASEAN can offer a great variety of attractions, particularly in terms of hospitality and friendliness. Furthermore, today we can pride ourselves in being able to offer high standard of accommodation and service—which the Rasa Sayang Hotel bears excellent testimony.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti saya katakan tadi, tourist industry menunjukkan potential yang amat menggembirakan istimewa bila dilihat statistik pelawat yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Saya yakin

kemajuan yang pesat di bidang hotel di samping faktor-faktor lain seperti upgrading of aerodromes dan kemampuan national carrier kita Malaysian Airlines System menambah route penerbangannya, saya pasti kita dapat mencatatkan angka pelawat hampir-hampir walaupun tidak melebihi satu juta pada tahun ini berbanding dengan $\frac{1}{2}$ juta dalam tahun 1971—with some optimism we may strike the million mark in tourists coming to Malaysia.

Hari ini beberapa buah pulau di Semenanjung Malaysia boleh membanggakan complex hotel yang bertaraf tinggi seperti yang terdapat di Pulau Pangkor, di Langkawi dan tidak berapa lama lagi di Tioman. Saya ingin melihat kemajuan hotel yang lebih pesat di Pantai Timur yang terkenal keasliannya, lebih-lebih pula menjelang siapnya East-West Highway dan Pelabuhan baru di Kuantan. Begitu juga usaha hendaklah ditambah bagi menarik arus pelancungan ke Sabah dan Sarawak.

Dengan perkembangan hotel industry yang lebih luas terutama di tempat-tempat yang selama ini agak ketinggalan, lebih-lebih pula dalam kawasan luar bandar, akan lebih luas pula terbuka peluang pekerjaan bagi kaum belia. Dalam hal ini khasnya mengenai pekerja-pekerja hotel, program latihan di MIT telahpun berjalan dengan memuaskan dan saya berpuashati dengan sambutan yang diberikan oleh pihak berkenaan dalam usaha menyeimbangkan kedudukan pekerja-pekerja di tempat masing-masing. Kalau diperlukan, terutama dengan adanya beberapa lagi complex hotel baru di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain, program latihan ini boleh diluaskan lagi supaya dapat memenuhi keperluan itu.

Saya difahamkan kedudukan pekerja di Rasa Sayang Hotel ini mencerminkan keadaan penduduk dan sukaiah saya mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusannya atas kerjasama serta pandangan mereka yang jauh dan sesuai dengan dasar Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Buat penutup, sukaiah saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Rasa Sayang Hotel atas persiapan mereka yang kemas dan rapi untuk peristiwa yang besar maknanya ini. Tidak syak lagi, hari ini ialah red-letter day bagi mereka sekalian dan akan menjadi kenang-kenangan kepada semua. Saya harap mereka akan terus berkhidmat dengan cermat dan

tekun terutama dalam melayani para pelawat yang berbagai ragam kerana pada efficient and courteous service itulah bergantungnya nama baik hotel ini. I am sure everyone from the top management down will strive to maintain the good name of Rasa Sayang—truly with feeling of love for all its guests who have come a long way to enjoy the pleasure of our beautiful island and above all our Malaysian hospitality.

Dengan itu saya sukacita merasmikan Rasa Sayang Hotel ini sambil berharap semuga ianya akan maju jaya menyumbangkan khidmatnya kepada negara.